



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh : 15 November 2010

Bil. 9/2010

Ruj : UMS/PN2.1/P5/2

GARIS PANDUAN MENGIKUTI KURSUS ANJURAN DALAMAN, LUARAN DAN LUAR NEGARA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan kepada semua kakitangan universiti mengenai prosedur untuk memohon kursus anjuran dalaman, luaran dan luar negara.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 06 Tahun 2005: Dasar Latihan Sektor Awam, penjawat awam adalah digalakkan untuk mengikuti kursus dan latihan sekurang-kurangnya 07 hari dalam setahun bagi tujuan perkembangan kerjaya.
- 2.2 Bagi pelaksanaan dasar latihan ini, Sektor Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar bertanggungjawab dalam mengendalikan kursus dan latihan kepada semua kakitangan Universiti.
- 2.3 Oleh itu, garis panduan ini diwujudkan bagi melicinkan pentadbiran dalam mengurus kursus dan latihan bagi kakitangan universiti.
- 2.4 Mesyuarat Lembaga Pembangunan Kompetensi Universiti Malaysia Sabah Siri 03/2010 yang telah bersidang pada 21 Julai 2010 telah bersetuju dengan pemakaian garis panduan ini.
- 2.5 Mesyuarat Pihak Berkua Pengurusan Universiti (PBPU) yang bersidang pada 13 Ogos 2010 Bil. 13/2010 Kali Ke-119 telah meluluskan Garis Panduan Mengikuti Kursus Anjuran Dalaman, Luaran dan Luar Negara di UMS.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Garis Panduan ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu:-
 - 3.1.1 Garis Panduan Mengikuti Kursus Anjuran Dalaman;

- 3.1.2 Garis Panduan Mengikuti Kursus Luaran; dan
 - 3.1.3 Garis Panduan Mengikuti Kursus Luar Negara.
- 3.2 Penjelasan Garis Panduan Mengikuti Kursus Anjuran Dalaman, Luaran dan Luar Negara adalah seperti di **Lampiran**.
- 3.3 Maklumat lanjut mengenai garis panduan ini boleh diperolehi di Sektor Pembangunan Sumber Manusia, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar.


4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Pekeling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh diluluskan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) iaitu pada **13 Ogos 2010**.

Sekian. Terima Kasih.

"BERTEKAD CEMERLANG"

Yang ikhlas,


MEJ. (K) ABDULLAH HJ. MOHD. SAID
Pendaftar

Tarikh : **15** November 2010

- s.k. Naib Canselor
 Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
 Fail